



**TAWARAN BIASISWA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
TEMPATAN SESI AKADEMIK 2007/2008**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang telah mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Tempatan bagi sesi 2007/2008 untuk memohon Basiswa Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
2. Program dan institusi yang ditaja adalah seperti berikut :

PROGRAM	INSTITUSI
Diploma / Sarjana Muda / Sarjana / Doktor Falsafah (IPTA)	Universiti Malaya Universiti Kebangsaan Malaysia Universiti Teknologi Malaysia Universiti Sains Malaysia Universiti Putra Malaysia Universiti Utara Malaysia Universiti Malaysia Sabah Universiti Malaysia Sarawak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Universiti Teknologi Mara Universiti Darul Iman Malaysia Universiti Tun Hussein Onn Universiti Malaysia Pahang Universiti Malaysia Terengganu Universiti Sains Islam Malaysia Universiti Teknikal Malaysia Melaka Universiti Malaysia Perlis Universiti Malaysia Kelantan
Sarjana Muda (IPTS)	IPTS yang diiktiraf oleh LAN dan kursus yang diiktiraf oleh JPA

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

A) Syarat Asas

- i. Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan serta yang berhampiran.
- ii. Telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian (sesi 2007/2008) dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang diiktiraf.
- iii. Tidak mendapat biasiswa atau tajaan daripada mana-mana penaja.
- iv. Bersedia berkhidmat dengan MAIWP untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun sekiranya ditawarkan (atas keperluan).
- v. Mahasiswa-mahasiswi yang sedang menuntut dalam tahun 2 juga layak memohon.

B) Syarat Kelayakan Akademik

a. Peringkat Diploma :

Kelayakan Minimum :

- Lulus peperiksaan SPM 2006 dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred 2A dalam mana-mana 5 mata pelajaran yang berkaitan.

Kelayakan Tambahan :

- Umur tidak melebihi 19 tahun.
- Aktif dalam bidang ko-kurikulum.
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam.

b. Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Kelayakan Minimum :

Memenuhi syarat kelulusan minimum bagi salah satu peringkat pengajian seperti berikut :

- STPM 2006
Calon-calon berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang memperolehi sekurang-kurangnya 3 Prinsipal A termasuk Pengajian Am.

- STAM 2006.
Calon-calon berkelulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 Mumtaz 5 Jayyid Jiddan.
- Diploma/Matrikulasi/A-Level/Foundation Studies/keputusan semester terakhir.
Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.5 atau yang setaraf.

Kelayakan Tambahan :

- Lulus SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam.
- Umur tidak melebihi 25 tahun.
- Aktif dalam bidang ko-kurikulum.

c. Peringkat Ijazah Lanjutan (Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah)

- i. Dibuka kepada graduan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) lulusan universiti dalam negeri atau luar negara yang diiktiraf.
- ii. Bidang kursus yang ditawarkan ialah Pengajian Islam.

**Kelayakan Minimum :
Ijazah Sarjana**

- Mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari universiti dalam atau luar negara.
- Purata markah keseluruhan CGPA 3.5 atau yang setaraf.
- Pengalaman kerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

**Kelayakan Minimum :
Ijazah Kedoktoran (Ph.D)**

- Mendapat Ijazah Sarjana dengan Purata Markah Keseluruhan (CGPA) sekurang-kurangnya 3.5 atau yang setaraf.
- Tajuk tesis (research) perlulah dalam bidang berkaitan.
- Pengalaman kerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

Kelayakan Tambahan :

- Lulus SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- Keutamaan kepada pegawai/kakitangan MAIWP / yang berkhidmat dengan MAIWP.

4. BIDANG / KURSUS / PERINGKAT TAJAAN :

Bil	Bidang	Kursus	Peringkat
1.	Sastera	Pengajian Islam (Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab, Tahfiz al-Quran)	Diploma/Sarjana Muda/ Sarjana/Doktor Falsafah
2.	Sastera Ikhtisas	Perakaunan, Undang-Undang	Diploma/Sarjana Muda Sarjana Muda
3.	Teknologi	Kejuruteraan	Diploma/Sarjana Muda
4.	Sains Kesihatan	Kejururawatan	Diploma
5.	Kritikal	Perubatan Pergigian Farmasi	Sarjana Muda Sarjana Muda Sarjana Muda
6.	Sains Gunaan	Bio teknologi	Sarjana Muda

5. CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- (i) Pelajar-pelajar yang **tidak memenuhi syarat-syarat** kelayakan yang ditetapkan.
- (ii) Kursus-kursus yang **berkaitan dengan pendidikan** seperti **Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan.**
- (iii) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat matrikulasi / asasi sains / pra- universiti / alpha / foundation.
- (iv) Pegawai yang **sedang berkhidmat** sama ada dalam perkhidmatan **awam atau swasta** dan diluluskan cuti separuh gaji.
- (v) Pelajar yang mengikuti program / kursus jarak jauh / separuh masa.
- (vi) Pelajar / pegawai yang mengikuti kursus-kursus eksekutif.
- (vii) Pelajar yang pernah ditamatkan bantuan atau ditarik balik bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin.

6. CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati daripada **Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein 2, Off Jalan Raja Muda, 50300 Kuala Lumpur mulai 4hb. Jun 2007**. Permohonan melalui pos boleh dibuat dengan menyertakan sampul surat berukuran 30 sm x 25 sm yang bertulis "**BIASISWA BAITULMAL MAIWP**" di sebelah atas penjuru kiri sampul surat dan bertulis alamat sendiri serta bersetem RM 1.00.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta salinan dokumen berkaitan yang telah disahkan mestilah sampai ke alamat di atas **sebelum atau pada 6hb. Julai 2007**.

8. Sebarang pertanyaan berkaitan biasiswa boleh dibuat pada hari bekerja melalui talian 03-26175295 / 294 / 320 . Fax : 03-26175232.

Nota * Permohonan yang tidak lengkap atau diterima lewat daripada tarikh tutup permohonan tidak akan diproses.

* Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Calon-calon yang tidak mendapat sebarang jawapan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.